

STPM Kertas 1 2016:

Soalan 2 Jawapan yang dicadangkan

(a) Tiga prinsip perakaunan bagi merekodkan aset harta tanah, loji dan peralatan:

1. Prinsip kos sejarah

Kos perolehan aset tanah, loji dan peralatan perlu direkodkan pada harga kos sebenar dengan dokumen-dokumen relevan sebagai bukti urus niaga pembelian aset.

2. Prinsip pemadanan

Aset harta tanah, loji dan peralatan (kecuali tanah) akan disusutnilaikan setiap tahun untuk mengagihkan secara sistematik kos aset tetap sepanjang usia guna aset tersebut dalam entiti perniagaan. Belanja susut nilai setiap tahun diagregatkan sebagai susut nilai terkumpul dan ditolak daripada kos aset bagi menunjukkan nilai bersih aset berkaitan.

3. Prinsip ketekalan

Kaedah susut nilai yang dipilih akan menjadi polisi perakaunan perniagaan dan perlu digunakan secara konsisten setiap tahun bagi tujuan pengiraan belanja susut nilai.

(b) Ciri aset muhibah dari segi penentuan kos dan kaedah penilaian tahunan:

Dari segi penentuan kos aset muhibah, aset muhibah hanya akan diiktiraf dalam buku perakaunan apabila ia dibeli sebagai sebahagian daripada kos keseluruhan. Muhibah adalah jumlah lebihan yang dibayar selepas ditolak nilai bersih aset-aset lain yang diperoleh.

Dari segi kaedah penilaian tahunan, nilai bersih muhibah adalah bersamaan dengan kos muhibah ditolak dengan pelunasan terkumpul dan kerugian kemerosotan (impairment loss), jika ada.

(c) Catatan jurnal:

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
		RM	RM
2014			
Jan 1	Susut nilai terkumpul kenderaan Rugi dari pelupusan kenderaan Kenderaan (Merekod penyaraan kenderaan kerana rosak)	36,000 14,000 50,000	
1	Kenderaan Belanja cukai jalan Belanja insurans kenderaan Tunai / Bank (Merekod pembelian kenderaan baru)	62,000 1,000 1,500 64,500	
Apr 1	Belanja penyelenggaraan bangunan Tunai / Bank (Merekod belian tanah secara tunai)	5,600 5,600	
Apr 30	Tunai / Bank Tanah Untung dari jualan tanah (Merekod jualan tanah dan memperoleh keuntungan)	1,500,000 500,000 1,000,000	

Jul 30	Susut nilai terkumpul mesin Mesin (baru) Rugi dari pelupusan mesin Mesin (lama) Tunai / Bank (Merekod tukar beli mesin lama dengan yang baru)	27,500 46,000 4,500	40,000 38,000
Ogos 1	Paten Tunai / Bank (Merekod kos mempertahankan hak paten)	7,000	7,000
Dis 30	Mesin Tunai / Bank (Merekodkan perbelanjaan untuk meningkatkan usia guna mesin YY)	3,000	3,000
31	Susut nilai terkumpul mesin Bank Rugi dari pelupusan mesin Mesin (Merekod pelupusan mesin YY)	4,500 17,500 1,000	23,000
	Rugi pelupusan muhibah Muhibah (Merekod hapus kira muhibah kerana tiada bernilai)	15,000	15,000
	Belanja susut nilai kenderaan Susut nilai terkumpul kenderaan (Merekod pelarasan untuk belanja susut nilai kenderaan)	14,250	14,250
	Belanja susut nilai bangunan Susut nilai terkumpul bangunan (Merekod pelarasan untuk belanja susut nilai bangunan)	325,000	325,000
	Belanja susut nilai peralatan pejabat Susut nilai terkumpul peralatan pejabat (Merekod pelarasan untuk belanja susut nilai peralatan pejabat)	1,500	1,500
	Belanja susut nilai mesin Susut nilai terkumpul mesin (Merekod pelarasan untuk belanja susut nilai mesin baru)	7,000	7,000
	Belanja pelunasan paten Pelunasan terkumpul paten (Merekod pelarasan untuk belanja pelunasan paten)	22,333	22,333

Nota:

1. Kos cukai jalan dan insurans kenderaan telah dianggap sebagai belanja hasil kerana ia adalah untuk tempoh satu tahun dan boleh diasingkan daripada kos belian kenderaan. Mengikut garis panduan bagi pengiraan kos perolehan aset, apabila sesebuah aset mempunyai komponen yang usia gunanya adalah berbeza dan komponen kosnya boleh diasingkan dengan mudah, ia patut direkodkan secara berasingan. Ini mematuhi ciri perwakilan benar

seperti yang dinyatakan dalam ciri-ciri kualitatif penyata kewangan rangka kerja konseptual perakaunan.

2. Belanja susut nilai kenderaan

$$= (7 / 28) \times (62,000 - 5,000) = \text{RM}14,250$$

3. Belanja susut nilai mesin baru

$$= (46,000 - 4,000) / 6 = \text{RM}7,000$$

Andaian:

- Susut nilai satu tahun dalam tahun pembelian dan tiada susut nilai dalam tahun pelupusan.
- Nilai sisa dan usia guna adalah sama seperti Mesin XX.

4. Belanja pelunasan paten

$$= (60,000 + 7,000) / 3 = \text{RM}22,333$$

Andaian bahawa belanja mempertahankan hak sebagai belanja modal kerana jika tidak berbuat demikian nilai paten akan menjadi sifar dan perlu dihapus kira.